

RINGKASAN LAPORAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TANPA TEGURAN

PRESTASI KEWANGAN

HASIL

2023 : RM1.214 billion

2022 : RM1.094 billion

↑ RM119.95 juta
11.0%

2023 : RM36.03 juta

2022 : RM41.80 juta

BELANJA

2023 : RM1.178 billion

2022 : RM1.052 billion

↑ RM125.72 juta
12%

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

2023 : RM625.04 juta

2022 : RM562.61 juta

↑ RM62.43 juta
11.1%

2023 : RM1.453 billion

2022 : RM1.322 billion

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

2023 : RM0.00

2022 : RM0.00


AKAUN AMANAH DISATUKAN

2023 : RM827.77 juta

2022 : RM759.75 juta

↑ RM68.02 juta
9%

TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2019 HINGGA 2023



PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

2023 : RM182.51 juta

2022 : RM186.23 juta

↓ **RM3.72 juta**
2.0%

PELABURAN

2023 : RM93.49 juta

2022 : RM92.99 juta

↑ **RM0.50 juta**
0.5%


HUTANG AWAM

2023 : RM159.75 juta


2022 : RM164.95 juta

↓ **RM5.20 juta**
3.2%

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN



PRESTASI FIZIKAL PEMBANGUNAN



FOKUS UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREA)

**AKAUN BELUM TERIMA HASIL
RM180.82 juta**

» Tunggakan Cukai Tanah

- **RM128.78 juta**
Tidak dikutip dari tahun
1967 hingga 2023

TUNGGAKAN CUKAI TANAH SEHINGGA 31 MEI 2024

- **PDT Kinta, Ipoh – RM62.92 juta**
- **PDT Manjung – RM22.44 juta**
- **PDT Muallim – RM13.04 juta**

TUNGGAKAN CUKAI TANAH AGENSI DI 18 PDT (HAK MILIK DALAM TINDAKAN NOTIS 8A DAN 6A)

Notis 8A

Bilangan: 843

Jumlah: RM11.73 juta

Notis 6A

Bilangan: 2,419

Jumlah: RM12.25 juta

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 kepada Ketua Audit Negara pada **15 Mac 2024**.

1.2. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2023 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Deposit Dalam Negeri dan saham dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2023. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Pelbagai Terimaan Modal serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan sepanjang tahun 2023 manakala pengauditan muktamad dilaksanakan selepas penerimaan Penyata Kewangan sehingga bulan Mei 2024. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Kewangan Negeri Perak dan jabatan-jabatan negeri berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dilaksanakan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3.1. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2023 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

3.2. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang dikeluarkan pada 12 Ogos 2024 disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

4. ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. Penyata Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.1. Pada tahun 2023, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM1.214 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM1.178 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil:				
Hasil Cukai	560.02	507.78	52.24	10.3
Hasil Bukan Cukai	451.22	381.38	69.84	18.3
Terimaan Bukan Hasil	202.45	204.58	(2.13)	(1.0)
JUMLAH HASIL	1,213.69	1,093.74	119.95	11.0
(-) Perbelanjaan				
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	805.62	784.62	21.00	2.7
Perbelanjaan Pembangunan	372.04	267.32	104.72	39.2
JUMLAH PERBELANJAAN	1,177.66	1,051.94	125.72	12.0
LEBIHAN	36.03	41.80	(5.77)	(13.8)
LEBIHAN DIPEROLEH DARIPADA:				
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	49.86	37.29	12.57	33.7
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(85.89)	(79.09)	(6.80)	(8.6)
JUMLAH PEMBIAYAAN	(36.03)	(41.80)	5.77	13.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.2.2. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Perak terus berada dalam kedudukan lebihan bagi tahun 2023 iaitu terimaan melebihi perbelanjaan sejumlah RM36.03 juta. Jumlah lebihan mencatatkan penurunan pada tahun 2023 berbanding lebihan sejumlah RM41.80 juta pada tahun 2022. Lebihan ini diperoleh daripada Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

4.3. Kumpulan Wang Disatukan

4.3.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2023 berjumlah RM1.453 bilion. Jumlah tersebut merupakan baki terkumpul bagi tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai sejumlah RM536.44 juta dan Pelaburan sejumlah RM916.37 juta. Kumpulan Wang Disatukan telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM130.45 juta (9.9%) iaitu daripada RM1.322 bilion pada tahun 2022 kepada RM1.453 bilion pada tahun 2023. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	625.04	562.61	62.43	11.1
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	827.77	759.75	68.02	9.0
	(i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	53.94	30.48	23.46	77.0
	(ii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	244.10	213.21	30.89	14.5
	(iii) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	335.35	328.00	7.35	2.2
	(iv) <i>Akaun Deposit</i>	194.38	188.06	6.32	3.4
	JUMLAH	1,452.81	1,322.36	130.45	9.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.3.2 Analisis trend baki Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2019 hingga 2023 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2020. Baki pada akhir tahun 2023 merupakan kedudukan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Butiran adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 hingga 2023

4.4. Wang Awam

4.4.1. Wang Tunai

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Kedudukan Wang Tunai pada akhir tahun 2023 menunjukkan peningkatan sejumlah RM130.45 juta (32.1%) menjadi RM536.44 juta berbanding RM405.99 juta pada tahun 2022. Analisis mendapati peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan tunai dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM62.43 juta dan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM68.02 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	535.14	405.26	129.88	32.0
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	1.30	0.73	0.57	78.1
JUMLAH		536.44	405.99	130.45	32.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.4.2. Pelaburan

4.4.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] Kerajaan Negeri dibenarkan untuk melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2023, pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada pegangan Saham dan Deposit Dalam Negeri yang dilabur menggunakan lebihan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan.

4.4.2.2. Baki pelaburan pada tahun 2023 adalah tidak berubah berbanding tahun 2022 iaitu sejumlah RM916.37 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada pegangan saham sejumlah RM34.77 juta dan Deposit Dalam Negeri sejumlah RM881.60 juta. Baki pelaburan tidak berubah kerana tiada pembelian saham baharu dan pertambahan Deposit Dalam Negeri pada tahun 2023. Sehingga 31 Disember 2023, nilai pasaran saham adalah berjumlah RM70.05 juta.

4.4.2.3. Melalui pelaburan saham dan Deposit Dalam Negeri pada tahun 2023, Kerajaan Negeri menerima pulangan berjumlah RM38.32 juta yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM14.49 juta (60.8%) berbanding RM23.83 juta pada tahun 2022. Pulangan atas pelaburan tersebut adalah dalam bentuk tunai iaitu keuntungan dan dividen yang dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan terimaan dividen daripada kesemua empat syarikat yang dibuat pelaburan. Analisis Audit mendapati dividen pelaburan saham pada tahun 2023 terdiri daripada dividen saham Axiata Group Berhad sejumlah RM1.29 juta, Tenaga Nasional Berhad sejumlah RM1.06 juta, Petronas Dagangan Berhad sejumlah RM0.57 juta dan Telekom Malaysia Berhad sejumlah RM0.50 juta.

4.4.2.4. Faedah dan hibah daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri pula diperoleh antaranya daripada Bank Islam Malaysia Berhad sejumlah RM10.86 juta dan Amanah Raya Berhad sejumlah RM10.03 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4** dan trend pelaburan lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2**.


JADUAL 4
PULANGAN PELABURAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI KEWANGAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
SAHAM					
1.	Axiata Group Berhad	1.29	0.37	0.92	248.6
2.	Tenaga Nasional Berhad	1.06	0.91	0.15	16.5
3.	Petronas Dagangan Berhad	0.57	0.38	0.19	50.0
4.	Telekom Malaysia Berhad	0.50	0.44	0.06	13.6
JUMLAH		3.42	2.10	1.32	62.9

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI KEWANGAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
DEPOSIT DALAM NEGERI					
1.	Bank Islam (M) Berhad	10.86	2.39	8.47	354.4
2.	Amanah Raya Berhad	10.03	16.87	(6.84)	(40.5)
3.	Bank RHB	7.13	0.00	7.13	100.0
4.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	3.95	2.47	1.48	59.9
5.	Bank Muamalat	1.64	0.00	1.64	100.0
6.	Bank Affin	1.29	0.00	1.29	100.0
JUMLAH		34.90	21.73	13.17	60.6
JUMLAH KESELURUHAN		38.32	23.83	14.49	60.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2023 dan 2022

CARTA 2
TREND PELABURAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 hingga 2023

4.5. Akaun Hasil Disatukan

4.5.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga kutipan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

4.5.2. Pada tahun 2023, hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM1.214 bilion manakala perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM1.151 bilion. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih hasil berjumlah RM62.43 juta iaitu meningkat sejumlah RM32.81 juta (110.8%) berbanding tahun 2022 yang mencatatkan lebih sejumlah RM29.62 juta. Lebih disebabkan kutipan hasil melebihi perbelanjaan mengurus. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat menjadi RM625.04 juta pada

tahun 2023 berbanding sejumlah RM562.61 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	562.61	532.99	29.62	5.6
Hasil	1,213.69	1,093.74	119.95	11.0
Perbelanjaan Mengurus	1,151.26	1,064.12	87.14	8.2
LEBIHAN	62.43	29.62	32.81	110.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	625.04	562.61	62.43	11.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.5.3. Hasil

4.5.3.1. Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2023, kutipan hasil Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.214 bilion iaitu meningkat sebanyak RM119.95 juta (11%) berbanding RM1.094 bilion pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022


BIL.	KATEGORI	2023		2022		PERUBAHAN	
		RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	(%)
1.	Hasil Cukai	560.02	46.1	507.78	46.4	52.24	10.3
2.	Hasil Bukan Cukai	451.22	37.2	381.38	34.9	69.84	18.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	202.45	16.7	204.58	18.7	(2.13)	(1.0)
JUMLAH		1,213.69	100.0	1,093.74	100.0	119.95	11.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.5.3.2. Peningkatan ini disebabkan peningkatan Hasil Cukai sejumlah RM52.24 juta (10.3%) dan Hasil Bukan Cukai sejumlah RM69.84 juta (18.3%) pada tahun 2023 berbanding 2022. Peningkatan Hasil Cukai antaranya disebabkan kenaikan kutipan royalti perlombongan sejumlah RM35.52 juta (43.6%) dan Cukai Tanah Semasa sejumlah RM14.14 juta (4.8%). Seterusnya peningkatan Hasil Bukan Cukai antaranya disebabkan oleh kenaikan Premium bagi Geran sejumlah RM38.44 juta (29.5%) serta Bayaran Tanah dan Galian sejumlah RM29.50 juta (49.2%) melibatkan kenaan caj carian rasmi oleh Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun yang berkuat kuasa tahun 2023. Trend kutipan hasil mengikut sukuan


tahun 2023 adalah seperti dalam **Carta 3** dan trend terimaan hasil bagi lima tahun adalah seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 3
TREND KUTIPAN HASIL MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2023



Sumber: Laporan ISPEKS Tahun 2023

CARTA 4
PRESTASI KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 hingga 2023

4.5.3.3. Hasil Cukai

- Hasil Cukai merupakan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri yang mewakili 46.1% daripada keseluruhan terimaan hasil tahun 2023. Hasil Cukai antaranya terdiri daripada Cukai Tanah, Royalti dan Cukai Keluaran Hutan. Pada tahun 2023 terimaan Hasil Cukai adalah berjumlah RM560.02 juta meningkat sejumlah RM52.24 juta (10.3%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM507.78 juta. Peningkatan Hasil Cukai disebabkan kenaikan

terimaan Royalti Perlombongan dan Cukai Tanah Semasa. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYUMBANG UTAMA HASIL CUKAI KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN HASIL	2023		2022		PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	372.66	66.5	353.49	69.6	19.17	5.4
2.	Royalti	160.05	28.6	127.59	25.1	32.46	25.4
3.	Cukai Keluaran Hutan	14.58	2.6	14.72	2.9	(0.14)	(1.0)
4.	Cukai Hiburan	10.30	1.8	10.11	2.0	0.19	1.9
5.	Levi Pindah Milik	1.93	0.3	1.34	0.3	0.59	44.0
6.	Cukai Parit Dan Tali Air	0.50	0.1	0.53	0.1	(0.03)	(5.7)
JUMLAH		560.02	46.1	507.78	46.4	52.24	10.3
JUMLAH KESELURUHAN HASIL		1,213.69		1,093.74		119.95	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.5.3.4. Caj Penggunaan Air Laut Terkurang Bayar

- a. Perintah Pk. P.U.15 berkaitan Kaedah-kaedah Caj Air (Perak) 2010 yang berdasarkan kuasa di bawah subseksyen 18(2) Akta Air 1920 [*Akta 418*] menetapkan kadar caj air bagi tujuan penggunaan komersial atau industri adalah sebanyak RM0.11 per meter padu (m³).
- b. Pk. P.U.27 Perintah Pengecualian (Caj Air) 2016 berdasarkan perenggan 12A(1)(b) Akta Air 1920 [*Akta 418*] memberi pengecualian kepada dua syarikat iaitu 398456-H dan 248091-X daripada sebahagian caj air yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Caj Air (Perak) 2010 [Pk. P.U.15 -2010] dan dikenakan caj sebanyak RM0.01 per m³ bagi tempoh 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2017.
- c. Pk. P.U.66 Perintah Pengecualian (Caj Air) (No. 1) 2018 pula mengekalkan caj yang sama bagi dua syarikat di atas dan menetapkan 1056130-H caj sebanyak RM0.01 per m³ bagi tempoh 28 September 2017 hingga 31 Disember 2017. Manakala Pk. P.U.67 Perintah Pengecualian (Caj Air) (No. 2) 2018 mengekalkan caj sebanyak RM0.01 per m³ bagi ketiga-tiga syarikat bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Selanjutnya Pk. P.U.68 Perintah Pengecualian (Caj Air) (No. 3) 2018 menetapkan kadar RM0.015 per m³ dikenakan kepada ketiga syarikat tersebut bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020.

- d. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 2024 bertarikh 7 April 2021 dan MMK Bil. 2092 bertarikh 25 Januari 2023 bersetuju supaya kadar caj penggunaan air laut oleh ketiga syarikat dikekalkan pada kadar RM0.015 per m³ bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023.
- e. Pihak Audit mendapati ketiga-tiga syarikat membayar sejumlah RM92.22 juta bagi penggunaan air laut mengikut kadar RM0.01 per m³ bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Jumlah yang patut dibayar oleh tiga syarikat tersebut mengikut kadar RM0.015 per m³ bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM138.33 juta. Keadaan ini menyebabkan berlaku tunggakan bayaran sejumlah RM46.11 juta dan telah diambil kira dalam Akaun Belum Terima (ABT) Kerajaan Negeri. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
CAJ PENGGUNAAN AIR LAUT TERKURANG BAYAR

BIL	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	ANGGARAN PENGGUNAAN AIR (M³)	KADAR DIBAYAR (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM Juta)	KADAR SEPATUTNYA (RM)	KIRAAN AUDIT (RM Juta)	AMAUN TERKURANG BAYAR (RM Juta)
TAHUN 2019							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	89,499,168		0.89		1.34	0.45
3.	1056130-H	308,859,600		3.09		4.63	1.54
JUMLAH				18.98		28.47	9.49
TAHUN 2020							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	81,362,880		0.81		1.22	0.41
3.	1056130-H	274,996,118		2.75		4.12	1.37
JUMLAH				18.56		27.84	9.28
TAHUN 2021							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	8,136,288		0.08		0.12	0.04
3.	1056130-H	320,159,385		3.20		4.80	1.60
JUMLAH				18.28		27.42	9.14
TAHUN 2022							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	226,968.52		0.00		0.00	0.00
3.	1056130-H	320,159,385		3.20		4.80	1.60
JUMLAH				18.20		27.30	9.10
TAHUN 2023							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	226,968.52		0.00		0.00	0.00
3.	1056130-H	320,159,385		3.20		4.80	1.60
JUMLAH				18.20		27.30	9.10
JUMLAH KESELURUHAN TUNGGAKAN HASIL AIR LAUT BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2023				92.22		138.33	46.11

Sumber: Surat Maklum Balas daripada PDT Manjung

- f. Semakan Audit seterusnya mendapati Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat tuntutan tunggakan bayaran pada bulan April, September dan November 2023 kepada ketiga-tiga syarikat. Pada 26 September 2023, syarikat bernombor pendaftaran 248091-X telah membuat permohonan untuk menjelaskan tunggakan caj penggunaan air mentah secara ansuran dan telah membuat pembayaran sejumlah RM3,405 bagi penggunaan tahun 2023 pada kadar RM0.015 per m³.
- g. Selain itu, Kerajaan Negeri telah membuat beberapa siri perbincangan dengan Syarikat 398456-H dan 1056130-H berkaitan dengan tunggakan bayaran tetapi tiada tindakan bayaran dibuat oleh kedua-dua syarikat tersebut.

Maklum balas Pejabat Kewangan Negeri (17 Julai dan 12 Ogos 2024)

Kerajaan Negeri telah membawa isu tunggakan bayaran caj penggunaan air laut dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 4 April 2024. YAB Perdana Menteri mencadangkan satu mesyuarat antara Kerajaan Negeri dan tiga syarikat disusuli segera. Kerajaan Negeri boleh menjemput YB Senator Menteri Kewangan II menjadi perantara atau pengerusi mesyuarat tersebut.

Seterusnya Mesyuarat Bagi Membincangkan Isu Tunggakan Air Laut telah diadakan pada 11 Julai 2024 di Pejabat Belanjawan Negara. Mesyuarat memohon ketiga-tiga syarikat ini mendapatkan keputusan Suruhanjaya Tenaga dan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bagi permohonan mereka untuk mengekalkan bayaran caj penggunaan air laut pada kadar RM0.01 per m³ bukan RM0.015 per m³ yang dituntut oleh Kerajaan Negeri Perak.

4.5.3.5. Syarikat Beroperasi Tanpa Lesen Abstraksi Air

- a. Akta Air 1920 [*Akta 418*] Seksyen 7 menetapkan keperluan lesen abstraksi air bagi kegunaan industri yang dikeluarkan serta diluluskan oleh Pegawai Daerah. Seksyen 15 Akta 418 juga menetapkan tindakan penalti sejumlah RM1,000 dikenakan kepada pihak yang tidak mematuhi Seksyen 7.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Terimaan Harian bagi tempoh 2018 hingga 2023 melibatkan lima Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) iaitu Perak Tengah, Kinta Batu Gajah, Bagan Datuk, Muallim dan Batang Padang mendapati tiada

penalti dikenakan terhadap tujuh syarikat yang beroperasi tanpa lesen abstraksi air sejak 2018.

- c. Kelemahan penguatkuasaan lesen kepada syarikat menyebabkan hasil penalti tidak dikenakan dan caj penggunaan air tanah tidak boleh dikutip sejumlah RM0.98 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
CAJ PENGGUNAAN AIR TANAH TIDAK BOLEH DIKUTIP

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TEMPOH SYARIKAT TIDAK BERLESEN*	JUMLAH CAJ PENGGUNAAN AIR TANAH TIDAK BOLEH DIKUTIP (RM)
1.	240-A	PDT Muallim	2018 hingga 2023	372,964
2.	0462964H			18,000
3.	0052308M	PDT Batang Padang		16,674
4.	60769-K	PDT Perak Tengah, Kampung Gajah		177,840
5.	432483-U			136,313
6.	0450659-V	PDT Kinta, Batu Gajah		35,674
7.	240-A	PDT Bagan Datuk		219,661
JUMLAH				977,126

Sumber: Penyata Penggunaan Air Syarikat/Kilang

Nota: (*) - Tempoh Syarikat tidak berlesen berdasarkan laporan iSPEKS. Maklumat sebelum tahun 2018 tidak dapat diperolehi kerana menggunakan sistem kewangan lama iaitu Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan.

Maklum balas Pejabat Kewangan Negeri (17 Julai dan 2 Ogos 2024)

Pejabat Kewangan Negeri (PKN) akan mengeluarkan surat rasmi kepada semua PDT pada kadar segera supaya setiap PDT menyemak dan menyenaraikan semua syarikat yang menggunakan air mentah. Usaha ini adalah untuk memastikan senarai syarikat yang tidak berlesen dapat dikenal pasti untuk tindakan mengeluarkan lesen di daerah masing-masing. Semua urusan kutipan hasil air akan diselaraskan di bawah Enakmen Sumber Air 2023 yang telah diwartakan pada 10 November 2023. Kerajaan Negeri diperingkat mewujudkan Lembaga bagi tujuan penyelarasan, pelaksanaan serta penguatkuasaan.

4.6. Perbelanjaan Mengurus

4.6.1. Perbelanjaan Mengurus terbahagi kepada dua jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Pada tahun 2023, perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM1.151 bilion berbanding RM1.064 bilion pada tahun 2022 iaitu

peningkatan sebanyak RM87.14 juta (8.2%). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023		2022		PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbelanjaan Bekalan	1,119.32	97.2	1,032.22	97.0	87.10	8.4
2.	Perbelanjaan Tanggungan	31.94	2.8	31.90	3.0	0.04	0.1
JUMLAH		1,151.26	100.0	1,064.12	100.0	87.14	8.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.6.2. Prestasi Perbelanjaan Mengurus


4.6.2.1. Peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi perbelanjaan mengurus tahun 2023 berjumlah RM1.164 bilion berbanding RM1.083 bilion pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak RM81.12 juta (7.5%). Kedudukan peruntukan mengurus yang diluluskan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 seperti dalam **Jadual 11**. Trend perbelanjaan mengurus mengikut sukuan tahun 2023 adalah seperti dalam **Carta 5** dan trend perbelanjaan mengurus bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 6**.

JADUAL 11
PERUNTUKAN MENGURUS YANG
DILULUSKAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Peruntukan Muktamad	1,163.64	1,082.52	81.12	7.5
Perbelanjaan Mengurus	805.62	784.62	21.0	2.7
(+) Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	345.64	279.50	66.14	23.7
Perbelanjaan Sebenar	1,151.26	1,064.12	87.14	8.2
Peratus Perbelanjaan (%)	98.9	98.3		


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

CARTA 5
TREND PERBELANJAAN MENGRUS MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 hingga 2023


CARTA 6
TREND PERBELANJAAN MENGRUS IKUT TANGGUNGAN DAN BEKALAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 hingga 2023

4.6.2.2. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM1.151 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM87.14 juta (8.2%) berbanding RM1.064 bilion pada tahun 2022. Punca peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan serta Aset sebanyak RM40.51 juta. Butiran adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2023 BERBANDING 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.6.2.3. Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan ketara pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan tertinggi adalah pembelian kenderaan dan jentera sebanyak RM8.27 juta (309.7%) dan pemberian dalam negeri sebanyak RM54.34 juta (15.2%). Peningkatan ini disebabkan penggantian 59 buah kenderaan anggota pentadbiran dan jabatan serta pertambahan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan.

4.6.2.4. Perbelanjaan bagi kemudahan dan pembaikan mencatatkan penurunan sebanyak RM19,760 (100%) dan ganjaran sebanyak RM9.17 juta (85%). Penurunan ini disebabkan tiada perbelanjaan penggunaan pada tahun 2023 kerana prestasi perbelanjaan yang rendah pada tahun 2022 serta pengurangan bayaran ganjaran kepada bekas ahli DUN kesan pembubaran Dewan Negeri pada 17 Oktober 2022.

4.7. Akaun Pinjaman Disatukan

4.7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Perenggan 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang

Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Kerajaan Negeri tidak menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2016.

4.8. Akaun Amanah Disatukan

4.8.1. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada akhir tahun 2023, Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM827.77 juta berbanding RM759.75 juta pada tahun 2022 iaitu meningkat sebanyak RM68.02 juta (9%).

4.8.2. Peningkatan ini disebabkan peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM298.04 juta meningkat sebanyak RM54.35 juta (22.3%) berbanding tahun 2022 berjumlah RM243.69 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA
TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	BIL. AKAUN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
AKAUN AMANAH DISATUKAN TERDIRI DARIPADA:						
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	14	298.04	243.69	54.35	22.3
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	56	335.35	328.00	7.35	2.2
3.	Akaun Deposit	68	194.38	188.06	6.32	3.4
JUMLAH		138	827.77	759.75	68.02	9.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

4.8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi tujuan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Penubuhannya adalah tertakluk kepada kelulusan DUN.

4.8.3.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM53.94 juta dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM244.10 juta. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan berjumlah RM1.50 juta, Akaun Pinjaman berjumlah RM41.27 juta, Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM11 juta dan Pelbagai Kumpulan Wang berjumlah RM190.33 juta.

4.8.3.3. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2023 berjumlah RM298.04 juta, iaitu meningkat sejumlah RM54.35 juta berbanding baki tahun 2022 sejumlah RM243.69 juta. Punca peningkatan baki ini disebabkan peningkatan Pelbagai Kumpulan Wang sejumlah RM25.68 juta (15.6%). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	53.94	30.48	23.46	77.0
2.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada:	244.10	213.21	30.89	14.5
	<i>i) Akaun Penyelesaian</i>	<i>0.00</i>	<i>0.00</i>	<i>0.00</i>	<i>0.0</i>
	<i>ii) Akaun Perniagaan</i>	<i>1.50</i>	<i>1.50</i>	<i>0.00</i>	<i>0.0</i>
	<i>iii) Akaun Pinjaman</i>	<i>41.27</i>	<i>36.06</i>	<i>5.21</i>	<i>14.4</i>
	<i>iv) Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	<i>11.00</i>	<i>11.00</i>	<i>0.00</i>	<i>0.0</i>
	<i>v) Pelbagai Kumpulan Wang</i>	<i>190.33</i>	<i>164.65</i>	<i>25.68</i>	<i>15.6</i>
BAKI PADA 31 DISEMBER		298.04	243.69	54.35	22.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.4. Kumpulan Wang Pembangunan

4.8.4.1. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan.

4.8.4.2. Pada akhir tahun 2023, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat lebih sejumlah RM23.46 juta berbanding RM49.47 juta yang diperoleh pada tahun 2022. Penurunan lebih ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2023 iaitu sejumlah RM372.04 juta (39.2%) berbanding RM267.32 juta pada tahun 2022.

4.8.4.3. Pada tahun 2023, penerimaan adalah sejumlah RM395.50 juta dengan peningkatan sebanyak RM78.71 juta (24.8%) berbanding RM316.79 juta pada tahun 2022. Perkara ini disebabkan peningkatan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM66.14 juta. Oleh itu, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2023 meningkat kepada RM53.94 juta (77%) berbanding RM30.48 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	30.48	(18.99)	49.47	260.5
Penerimaan	395.50	316.79	78.71	24.8
Perbelanjaan	(372.04)	(267.32)	(104.72)	(39.2)
LEBIHAN	23.46	49.47	(26.01)	(52.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	53.94	30.48	23.46	77.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.4.4. Perbelanjaan Pembangunan

- a. Rancangan Pembangunan Perak (RPP) mula diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2021. Rancangan ini dirangka untuk kemajuan Negeri Perak dalam memperkasakan infrastruktur industri dan memperkukuhkan asas dalam setiap sektor utama.
- b. Peruntukan RPP dibuat secara tahunan mengikut jumlah pendapatan sebenar. Belanjawan Negeri Perak tahun 2023 telah dibentangkan oleh YAB Menteri Besar melalui Mesyuarat Pertama dan Kedua, Tahun Pertama Dewan Negeri Ke-15 Perak Darul Ridzuan pada 19 Disember 2022. Waran Kumpulan Wang Pembangunan Bilangan 1 Tahun 2023 yang diluluskan adalah sejumlah RM395 juta. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 19 jabatan. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi tahun 2023 berjumlah RM372.04 juta atau 94.2% daripada peruntukan yang diluluskan dan semua jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 50% pada tahun 2023. Sehingga 31 Disember 2023, Kerajaan Negeri Perak juga turut melaksanakan sebanyak 13 projek sambungan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2023
BERBANDING PERUNTUKAN MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	PDT Perak Tengah	1.80	1.80	100.0
2.	PDT Larut, Matang dan Selama	1.37	1.37	100.0
3.	PDT Kampar	0.86	0.86	100.0
4.	PDT Manjung	1.15	1.15	100.0
5.	PDT Hulu Perak	1.98	1.98	100.0
6.	PDT Bagan Datuk	0.91	0.91	100.0

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
7.	PDT Kuala Kangsar	2.21	2.21	100.0
8.	PDT Kerian	1.35	1.35	100.0
9.	Jabatan Pertanian	5.00	4.99	99.8
10.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	15.00	14.96	99.7
11.	PDT Muallim	0.98	0.97	99.0
12.	PDT Batang Padang	0.84	0.83	98.8
13.	PDT Kinta	1.25	1.23	98.4
14.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*	141.50	136.52	96.5
15.	Jabatan Kerja Raya	90.00	86.48	96.1
16.	Jabatan Perhutanan	4.00	3.82	95.5
17.	Pejabat Kewangan Negeri*	120.70	107.25	88.9
18.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.00	2.51	83.7
19.	PDT Hilir Perak	1.10	0.85	77.3
JUMLAH		395.00	372.04	94.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023

Nota: Peruntukan Jabatan/Pejabat Bertanda (*) adalah untuk projek yang berbentuk fizikal dan bukan fizikal

- c. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM372.04 juta bagi membiayai pelbagai projek/program pembangunan pada tahun 2023 berbanding RM267.32 juta pada tahun 2022. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM136.52 juta diikuti dengan Pejabat Kewangan Negeri iaitu sejumlah RM107.25 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	262	136.52	77.39	59.13	76.4
2.	Pejabat Kewangan Negeri	43	107.25	95.16	12.09	12.7
3.	Jabatan Kerja Raya	321	86.48	67.81	18.67	27.5
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	13	14.96	10.85	4.11	37.9
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah	409	15.51	8.01	7.50	93.6
6.	Jabatan Pertanian	79	4.99	3.99	1.00	25.1
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	141	2.51	2.34	0.17	7.3
8.	Jabatan Perhutanan	18	3.82	1.77	2.05	115.8
JUMLAH		1,286	372.04	267.32	104.72	39.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.5. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

4.8.5.1. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan melalui enakmen yang diluluskan oleh DUN, iaitu di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Penubuhan Kumpulan Wang ini adalah untuk membolehkan Kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk sesuatu tujuan.

4.8.5.2. Pada akhir tahun 2023, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sebanyak RM30.88 juta (14.5%) kepada RM244.10 juta berbanding RM213.22 juta tahun 2022 disebabkan antaranya peningkatan terimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Raya Negeri sejumlah RM29.53 juta. Kumpulan Wang Pelaburan Negeri turut meningkat sebanyak RM0.08 juta disebabkan oleh penerimaan pulangan pelaburan simpanan tetap. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2023 DAN 2022

BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	213.22	347.18	(133.96)	(38.6)
Terimaan	6,226.73	6,547.88	(321.15)	(4.9)
Perbelanjaan	6,195.85	6,681.84	(485.99)	(7.3)
BAKI PADA 31 DISEMBER	244.10	213.22	30.88	14.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.5.3. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

- a. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Akaun amanah ini digunakan khusus bagi membiayai program penyelenggaraan semua jalan negeri dan perbelanjaan pengurusan lain yang berkaitan.
- b. Panjang jalan yang didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) pada tahun 2023 ialah 28,440.19 kilometer (km). Panjang jalan ini termasuk jalan raya negeri, jalan bandaran, jalan kawasan perumahan rendah, perbatuan lorong belakang, jalan kampung dan jalan pertanian.

- c. Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 meningkat sejumlah RM17.74 juta (3%) kepada RM604.62 juta berbanding RM586.88 juta pada tahun 2022. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM575.09 juta (95.1%) daripada jumlah terimaan tahun 2023. Perbelanjaan tahun 2023 berjumlah RM575.09 juta menurun sejumlah RM133.36 juta (18.8%) berbanding RM708.45 juta pada tahun 2022.
- d. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2023 berjumlah RM187.33 juta berbanding RM157.80 juta pada akhir tahun 2022 iaitu peningkatan sejumlah RM29.53 juta (18.7%) disebabkan panjang jalan yang didaftarkan pada tahun 2023 meningkat sebanyak 330.14 km berbanding 28,110.05 km pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2023 DAN 2022

BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	157.80	279.37	(121.57)	(43.5)
Terimaan	604.62	586.88	17.74	3.0
Perbelanjaan/Agihan	575.09	708.45	(133.36)	(18.8)
BAKI PADA 31 DISEMBER	187.33	157.80	29.53	18.7
PERATUS PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN	95.1%			

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.5.4. Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Perak

- a. Kumpulan Wang Pelaburan Negeri diwujudkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi tujuan membolehkan pelaburan dibuat daripada wang yang diperuntukkan kepadanya.
- b. Baki peruntukan awal tahun 2023 Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Perak berjumlah RM0.01 juta. Pada tahun 2023, terimaan bagi kumpulan wang ini adalah berjumlah RM13.58 juta yang merupakan pengeluaran pelaburan simpanan tetap berjumlah RM13 juta dan terimaan pulangan pelaburan berjumlah RM0.58 juta.
- c. Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Perak terdiri daripada pelaburan simpanan tetap berjumlah RM13.50 juta. Baki Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri pada tahun 2023 adalah berjumlah RM89,670. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH
PELABURAN NEGERI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

PERKARA	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.01	0.01	0.00	0.0
Penerimaan	13.58	14.00	(0.42)	(3.0)
Pembayaran	13.50	14.00	(0.50)	(3.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.09	0.01	0.08	800.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.6. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.8.6.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, agensi, syarikat swasta dan individu bagi maksud tertentu. Sebanyak 56 Akaun Amanah diselenggarakan oleh 23 jabatan berbanding 58 Akaun pada tahun 2022.

4.8.6.2. Pada tahun 2023, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sebanyak RM7.35 juta (2.2%) kepada RM335.35 juta berbanding RM328 juta pada tahun 2022. Peningkatan utama baki Kumpulan Wang Amanah Awam disebabkan peningkatan Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak sejumlah RM14.47 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

PERKARA	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	328.00	298.47	29.53	9.9
Penerimaan	176.34	260.10	(83.76)	(32.2)
Pembayaran	168.99	230.57	(61.58)	(26.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	335.35	328.00	7.35	2.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.6.3. Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak

- a. Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi tujuan memperakakan caruman yang dikenakan bagi permohonan pelepasan kuota Bumiputera yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pengurusan

akaun ini dikawal oleh Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak.

- b. Akaun Amanah ini pada tahun 2023 berbaki RM101.56 juta meningkat sebanyak RM14.47 juta (16.6%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM87.09 juta. Peningkatan disebabkan kutipan penalti pelepasan kuota bumiputera sejumlah RM18.32 juta, pendaftaran dan pengiklanan bagi kuota Bumiputera masing-masing sejumlah RM59,000 dan RM164,000 berbanding perbelanjaan pengurusan, penyelenggaraan, kos pengiklanan berjumlah RM4.27 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA
NEGERI PERAK PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

PERKARA	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	87.09	71.93	15.16	21.1
Penerimaan	18.74	23.75	(5.01)	(21.1)
Pembayaran	4.27	8.59	(4.32)	(50.3)
BAKI PADA 31 DISEMBER	101.56	87.09	14.47	16.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022.

4.8.6.4. Akaun Amanah Program Perumahan Negeri Perak

- a. Akaun Amanah Program Perumahan Negeri Perak (PPNP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi tujuan untuk memperakaunkan segala sumbangan/ terimaan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, wang tahanan dan wang lebihan di dalam kontrak, bayaran penalti yang dikenakan bagi pembatalan komponen Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana, sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta serta perbelanjaan yang berkaitan untuk membiayai projek Program Perumahan Rakyat/Perumahan Awam Negeri Perak.
- b. Baki akaun amanah ini pada 31 Disember 2023 adalah berjumlah RM35.19 juta, iaitu meningkat sebanyak RM7.95 juta (29.2%) berbanding tahun 2022. Peningkatan adalah disebabkan penerimaan RM10.66 juta berbanding perbelanjaan sejumlah RM2.71 juta.
- c. Penerimaan antaranya adalah terdiri daripada peruntukan pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan penempatan semula Rancangan Perumahan

Tersusun Sim pang Halt sejumlah RM4.80 juta, penalti tukar syarat nyata sejumlah RM4.79 juta, kutipan sewa kuarters dan bayaran penuh harga rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Iskandar sejumlah RM251,022. Perbelanjaan pula antaranya terdiri daripada bayaran interim projek pembinaan rumah sejumlah RM1.82 juta, bayaran pampasan pengambilan balik tanah sejumlah RM143,995 dan bayaran pemulangan lebihan penalti tukar syarat nyata sejumlah RM112,000. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
BAKI AKAUN AMANAH PROGRAM PERUMAHAN NEGERI PERAK
PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	27.24	21.75	5.49	25.2
Penerimaan	10.66	8.61	2.05	23.8
Perbelanjaan	2.71	3.12	(0.41)	(13.1)
BAKI PADA 31 DISEMBER	35.19	27.24	7.95	29.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.8.7. Akaun Deposit

4.8.7.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus, Deposit Pelarasan dan Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Wang Deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tercapai.

4.8.7.2. Pada tahun 2023, baki Akaun Deposit meningkat sebanyak RM6.32 juta (3.4%) kepada RM194.38 juta berbanding RM188.06 juta pada tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan Deposit Khusus melibatkan penerimaan wang Deposit Urusan Tanah Kerajaan sejumlah RM58.26 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN BAKI AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2023 DAN 2022

BIL.	JENIS DEPOSIT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Am	133.30	135.71	(2.41)	(1.8)
2.	Khusus	58.79	49.66	9.13	18.4
3.	Pelarasan	0.52	0.80	(0.28)	(35.0)
4.	Perumahan Awam Kos Rendah	1.77	1.89	(0.12)	(6.3)
JUMLAH		194.38	188.06	6.32	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.9. Akaun Memorandum

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

4.9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

4.9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2023 terdiri daripada pinjaman menggunakan sumber Kerajaan Negeri berjumlah RM182.51 juta. Pada akhir tahun 2023, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM3.72 juta (2%) berbanding sejumlah RM186.23 juta pada tahun 2022 kepada RM182.51 juta. Baki pinjaman dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menurun sebanyak RM210,428 (0.5%), baki pinjaman Badan Berkanun Negeri (BBN) menurun sebanyak RM4.47 juta (21.1%) dan baki pinjaman Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) menurun sebanyak RM0.59 juta (3.1%). Penurunan baki pinjaman ini disebabkan oleh agensi negeri telah membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

4.9.1.2. Manakala pinjaman Projek Bekalan Air kepada Lembaga Air Perak (LAP) meningkat sebanyak RM1.55 juta (1.5%) disebabkan PKN membuat bayaran semula bagi tiga pinjaman yang masih aktif kepada LAP. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan	45.59	45.80	(0.21)	(0.5)
2.	Badan Berkanun Negeri	16.70	21.17	(4.47)	(21.1)
3.	Universiti Sultan Azlan Shah	18.27	18.86	(0.59)	(3.1)
4.	Lembaga Air Perak	101.95	100.40	1.55	1.5
JUMLAH		182.51	186.23	(3.72)	(2.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.9.1.3. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri telah menyalurkan pinjaman baharu sejumlah RM3.82 juta kepada tiga PBT iaitu Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM), Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dan Majlis Daerah Tapah (MDT). Pinjaman sejumlah RM0.67 juta disalurkan kepada MDTM adalah bagi tujuan membeli satu unit lori tangki air dan satu unit lori kompaktor manakala sejumlah RM1.15 juta pinjaman baharu disalurkan kepada MDKpr bagi membiayai pembelian kenderaan.

Selain itu, pinjaman kepada MDT sejumlah RM2 juta adalah bagi pembiayaan kos pembersihan sisa buangan terjadual di tapak pelupusan sampah. Bayaran balik bagi pinjaman tersebut akan bermula pada tahun 2024. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PENYALURAN PINJAMAN BAHARU PADA TAHUN 2023

BIL.	AGENSI NEGERI	TUJUAN PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM)	Pembelian Satu Unit Lori Tangki Air Dan Satu Unit Lori Kompaktor	0.67
2.	Majlis Daerah Kampar (MDKpr)	Pembelian Kenderaan	1.15
3.	Majlis Daerah Tapah (MDT)	Pembersihan Sisa Buangan Terjadual Di Tapak Pelupusan Sampah MDT	2.00
JUMLAH KESELURUHAN			3.82

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023

4.9.2. Memorandum Aset - Pelaburan

4.9.2.1. Pelaburan merupakan pegangan ekuiti dalam badan berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, saham dalam syarikat berkaitan kerajaan, agensi antarabangsa dan syarikat-syarikat lain. Pada tahun 2023, baki pelaburan di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM93.49 juta (0.5%) berbanding RM92.99 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

REKODURAN PELABURAN KERANAAN NEGERI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022					
BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PENGURUS DANA PELABURAN					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	30.00	30.00	0.00	TB
2.	Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	TB
3.	RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	TB
4.	CIMB - Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	TB
JUMLAH		75.00	75.00	0.00	TB
SAHAM SYARIKAT					
1.	Gas Malaysia Berhad	0.44	0.44	0.00	TB
2.	Telekom Malaysia Berhad	0.28	0.28	0.00	TB
3.	Axiata Group Berhad	0.97	0.97	0.00	TB
JUMLAH		1.69	1.69	0.00	TB
SIMPANAN TETAP					
1.	Bank Islam Malaysia Berhad	3.33	6.30	(2.97)	(47.1)
2.	RHB Bank Berhad	3.38	10.00	(6.62)	(66.2)
3.	Amanah Raya Berhad	10.09	0.00	10.09	100.0
JUMLAH		16.80	16.30	0.50	3.1
JUMLAH KESELURUHAN		93.49	92.99	0.50	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

Nota: TB – Tidak Berkenaan

4.9.2.2. Pada tahun 2023, pulangan dividen yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada pengurus dana berjumlah RM3.20 juta meningkat sebanyak RM0.20 juta (6.7%) berbanding RM3 juta pada tahun 2022. Pulangan dividen daripada pelaburan saham sejumlah RM0.10 juta meningkat sebanyak RM0.04 juta (66.7%) berbanding RM0.06 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 27**.


JADUAL 27
PULANGAN DIVIDEN DARIPADA PENGURUS DANA DAN PELABURAN SAHAM
PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PENGURUS DANA PELABURAN					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	1.20	1.00	0.20	20.0
2.	Maybank Islamic Aset Management Sdn. Bhd.	0.60	0.60	0.00	0.0
3.	RHB Islamic Aset Aset Management Sdn. Bhd.	0.60	0.60	0.00	0.0
4.	CIMB-Principal Islamic Aset Management Sdn. Bhd.	0.80	0.80	0.00	0.0
JUMLAH		3.20	3.00	0.20	6.7
SAHAM SYARIKAT					
1.	Gas Malaysia Berhad	0.05	0.04	0.01	25.0
2.	Telekom Malaysia Berhad	0.01	0.01	0.00	0.0
3.	Axiata Group Berhad	0.04	0.01	0.03	300.0
JUMLAH		0.10	0.06	0.04	66.7
JUMLAH KESELURUHAN		3.30	3.06	0.24	7.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.9.2.3. Analisis perbandingan pulangan dividen ke atas pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun menunjukkan kadar pulangan pelaburan yang diperoleh adalah antara RM3.06 juta hingga RM4.34 juta. Pulangan pelaburan tertinggi yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut adalah pada tahun 2020, iaitu sejumlah RM4.34 juta. Butiran adalah seperti dalam **Carta 8**.

CARTA 8
PULANGAN DIVIDEN KE ATAS PELABURAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 hingga 2023

4.9.3. Memorandum Liabiliti – Hutang Awam


4.9.3.1. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan liabiliti Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Hutang Awam yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pada tahun 2023, liabiliti Kerajaan Negeri adalah Hutang Awam berjumlah RM159.75 juta iaitu pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Mulai tahun 2016, Kerajaan Negeri Perak tidak menerima pinjaman baharu daripada Kerajaan Persekutuan. Pada 31 Disember 2023, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM5.20 juta (3.2%) iaitu RM159.75 juta berbanding RM164.95 juta pada tahun 2022. Penurunan ini disebabkan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan bagi tiga Projek Bekalan Air berjumlah RM3.10 juta dan satu PAKR sejumlah RM2.10 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 28**. Trend kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti **Carta 9**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	BAKI PINJAMAN		PERUBAHAN	
		2023 (RM Juta) (a)	2022 (RM Juta) (b)	(RM Juta) (c)=(a-b)	(%)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	25.17	27.27	(2.10)	(7.7)
2.	Projek Bekalan Air	134.58	137.68	(3.10)	(2.3)
JUMLAH		159.75	164.95	(5.20)	(3.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

CARTA 9
KEDUDUKAN HUTANG AWAM TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2019 Hingga 2023

4.10. Nota Kepada Penyata Kewangan

4.10.1. Akaun Belum Terima

4.10.1.1. Peraturan mengenai ABT dinyatakan dalam AP 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya dihantar ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6 juga menjelaskan tentang penyelenggaraan dan pelaporan ABT. Selain itu, Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2023 telah menetapkan kewajipan Pusat Tanggungjawab untuk mengemukakan Penyata ABT kepada Pejabat Kewangan Negeri pada 11 Januari 2024.

4.10.1.2. ABT terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan, Hasil, Hutang-hutang Lain, Faedah Pinjaman Boleh Dituntut dan Wang Pendahuluan Kontraktor. ABT Negeri Perak telah meningkat sebanyak RM25.25 juta (15.5%) kepada RM187.74 juta pada tahun 2023 berbanding RM162.49 juta pada tahun 2022. Pada tahun 2023, sebahagian besar daripada ABT merupakan ABT Hasil yang terdiri daripada tunggakan cukai tanah, caj penggunaan air laut dan ansuran sewa beli Rancangan Perumahan Awam (RPA) dan PPR sejumlah RM180.82 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pinjaman Dan Pendahuluan	4.06	0.00	4.06	100.0
2.	Hasil	180.82	154.48	26.34	17.1
3.	Hutang-Hutang Lain	0.15	0.03	0.12	400.0
4.	Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	0.00	0.00	0.00	0.0
5.	Wang Pendahuluan Kontraktor	2.71	7.98	(5.27)	(66.0)
JUMLAH		187.74	162.49	25.25	15.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

4.11. Rumusan

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2023 adalah baik kerana:

4.11.1. Kerajaan Negeri Perak terus berada dalam kedudukan lebihan bagi tahun 2023 iaitu terimaan melebihi perbelanjaan sebanyak RM36.03 juta. Jumlah lebihan menurun pada tahun 2023 berbanding lebihan RM41.80 juta pada tahun 2022;

4.11.2. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM130.45 juta (9.9%) kepada RM1.453 bilion pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 berjumlah RM1.322 bilion;

4.11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM62.43 juta pada tahun 2023. Baki pada tahun 2023 meningkat menjadi RM625.04 juta berbanding RM562.61 juta pada tahun 2022;

4.11.4. baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM3.72 juta (2%) daripada RM186.23 juta pada tahun 2022 kepada RM182.51 juta pada tahun 2023.;

4.11.5. Hutang Awam menurun kepada RM159.75 juta pada tahun 2023 daripada RM164.95 juta pada tahun 2022; dan

4.11.6. bagi peruntukan pembangunan, sejumlah RM372.04 juta (94.2%) telah dibelanjakan pada tahun 2023 daripada RM395 juta peruntukan yang diluluskan.

4.12. Syor Audit

Kerajaan Negeri perlu terus mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan

pembangunan ekonomi negeri. Walaupun kutipan hasil Kerajaan Negeri tahun 2023 menunjukkan peningkatan, namun penguatkuasaan dan kenaan penalti terhadap syarikat yang beroperasi tanpa lesen abstraksi air perlu dilaksanakan secara berterusan.

5. PRESTASI PROJEK RANCANGAN PEMBANGUNAN PERAK


Pada tahun 2023, sebanyak 1,286 projek telah diluluskan terdiri daripada 13 projek sambungan di bawah RMKe-11 dan 1,273 projek di bawah RPP. Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 11 (84.6%) daripada 13 projek RMKe-11 siap dilaksanakan dan dua projek dalam pelaksanaan. Bagi projek RPP, sebanyak 1,265 (99.4%) projek telah disiapkan sepenuhnya, empat projek masih belum dimulakan dan empat projek telah dibatalkan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 30** dan **Carta 10**.

JADUAL 30
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RANCANGAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023

BIL.	PROJEK	PROJEK/PROGRAM				JUMLAH	PERATUS SIAP (%)
		SIAP	DALAM PELAKSANAAN	BELUM MULA	BATAL		
1.	Rancangan Malaysia Ke-11	11	2	0	0	13	84.6
2.	Rancangan Pembangunan Perak	1,265	0	4	4	1,273	99.4
JUMLAH		1,276	2	4	4	1,286	99.2

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal Rancangan Pembangunan Perak Tahun 2023

CARTA 10
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK RMKe-11 DAN RPP PADA TAHUN 2023



Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal Rancangan Pembangunan Perak Tahun 2023

5.1. Status Pelaksanaan Projek

5.1.1. Projek Lewat Jadual

5.1.1.1. Satu daripada dua projek dalam pelaksanaan merupakan projek lewat jadual di bawah RMKe-11. Projek tersebut adalah projek Menggantikan Jambatan Sementara Sungai Air Hitam dan Lain-lain Kerja yang Berkaitan di Daerah Kerian dengan peruntukan sejumlah RM2.60 juta. Sehingga 31 Disember 2023, bayaran sejumlah RM1.15 juta telah dibuat kepada kontraktor. Status pencapaian pelaksanaan kerja pada 30 Jun 2024 ialah 85% berbanding jadual iaitu 100%. Sebanyak tiga Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) telah diluluskan pada 8 Mac 2023, 30 Januari dan 14 Jun 2024.

5.1.1.2. Pada 31 Januari 2023 kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT 1 dan diluluskan pada 8 Mac 2023. Tempoh EOT adalah selama 200 hari iaitu sehingga 18 November 2023. EOT 1 telah diluluskan atas justifikasi kelewatan mendapatkan kelulusan reka bentuk daripada LAP bagi kerja pengalihan paip air.

5.1.1.3 Permohonan EOT 2 telah dikemukakan oleh kontraktor pada 20 September 2023 dan diluluskan pada 15 November 2023. Tempoh EOT 2 yang diluluskan selama 73 hari iaitu sehingga 30 Januari 2024. EOT 2 telah diluluskan atas justifikasi kelewatan mendapatkan kelulusan daripada LAP untuk penyambungan paip air. Sehingga tamat tempoh EOT 2, kontraktor masih tidak dapat menyiapkan projek.

5.1.1.4. Pada 20 Mei 2024, kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT 3 dan kelulusan diberi pada 14 Jun 2024. Tempoh EOT 3 telah dikebelakangkan bermula 30 Januari hingga 14 Jun 2024. EOT 3 diluluskan atas justifikasi kelewatan mendapatkan lukisan pindaan saiz *pile cap*. Bagaimanapun, kontraktor masih tidak dapat menyiapkan projek selepas tamat EOT 3. JKR Kerian telah mengenakan caj Gantirugi Yang Ditentukan dan Ditetapkan (LAD) mulai 18 Jun 2024 dengan kadar RM652.17 sehari. Bayaran LAD yang telah dikutip sehingga 30 Jun 2024 adalah sejumlah RM9,130.

5.1.2. Projek Belum Mula dan Batal

Sebanyak empat projek pembangunan dengan peruntukan sejumlah RM0.70 juta belum mula disebabkan skop dan siling projek belum dimuktamadkan oleh Jabatan Kerja Raya. Selain itu, empat projek dengan peruntukan sejumlah RM268,362

dibatalkan disebabkan kekangan masa dan ketiadaan kontraktor berminat. Peruntukan projek tersebut telah ditarik balik oleh Kerajaan Negeri.

5.2. Rumusan

Sehingga akhir tahun 2023, sebanyak 1,265 projek (99.4%) telah siap dilaksanakan, empat projek belum mula dan empat projek telah dibatalkan. Prestasi perbelanjaan projek adalah melebihi 90% daripada peruntukan yang diluluskan.

5.3. Syor Audit

Bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Audit mengesyorkan perancangan kos dan skop projek dilaksanakan dengan rapi oleh semua pihak yang terlibat agar projek berjalan lancar dan rakyat dapat menerima manfaat sewajarnya.

6. FOKUS UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREA)

6.1. Pelaporan Fokus Utama Audit mula diperkenalkan pada tahun 2023 bagi pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2023. Pelaporan ini memberikan penekanan terhadap perkara material dan signifikan yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Antara kriteria penetapan Fokus Utama Audit adalah merujuk kepada standard pengauditan ISSAI seperti berikut:

- a. perkara yang dijangka berisiko untuk berlaku salah nyata atau mempunyai risiko yang signifikan;
- b. perkara yang melibatkan pertimbangan signifikan pihak pengurusan seperti anggaran perakaunan yang terdedah kepada ketidakpastian yang tinggi; dan
- c. kesan perkara atau transaksi signifikan yang berlaku dalam tempoh pengauditan.

6.2. Fokus Utama Audit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 melibatkan Akaun Belum Terima. Justikasi pemilihan ABT adalah disebabkan risiko kehilangan hasil dan hapus kira yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

6.3. Akaun Belum Terima

6.3.1. Tunggakan Akaun Belum Terima

6.3.1.1. Pada tahun 2023, sebahagian besar daripada ABT merupakan ABT Hasil sejumlah RM180.82 juta terdiri daripada tunggakan cukai tanah RM128.78 juta, caj penggunaan air laut RM46.12 juta, ansuran sewa beli RPA dan PPR RM5.42 juta dan Pelbagai RM0.50 juta.

6.3.1.2. ABT Negeri Perak telah meningkat sejumlah RM26.34 juta (17.1%) kepada RM180.82 juta pada tahun 2023 berbanding RM154.48 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
ABT HASIL PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	128.78	111.21	17.57	15.8
2.	Jualan Air Laut	46.12	37.02	9.10	24.6
3.	Ansuran Sewa Beli RPA dan PPR	5.42	5.83	(0.41)	(7.0)
4.	Pelbagai	0.50	0.42	0.08	19.0
JUMLAH		180.82	154.48	26.34	17.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 dan 2022

6.3.1.3. Pada tahun 2023, tunggakan ABT cukai tanah di 18 PDT adalah berjumlah RM128.78 juta. Tunggakan tertinggi di PDT Kinta, Ipoh sejumlah RM48.53 juta dan PDT Manjung sejumlah RM23.45 juta. Bagaimanapun, tunggakan cukai tanah di PDT Kinta, Ipoh menurun sebanyak RM1.49 juta (3%) kepada RM48.53 juta berbanding RM50.02 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	PEJABAT	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	PDT Kinta, Ipoh	48.53	50.02	(1.49)	(3.0)
2.	PDT Manjung	23.45	14.01	9.44	67.4
3.	PDT Kinta, Batu Gajah	8.11	9.37	(1.26)	(13.4)
4.	PDT Taiping	7.62	7.53	0.09	1.2
5.	PDT Kampar	7.47	5.10	2.37	46.5
6.	PDT Muallim	5.64	3.33	2.31	69.4
7.	PDT Batang Padang	4.95	3.76	1.19	31.6

BIL.	PEJABAT	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
8.	PDT Kerian	4.15	2.79	1.36	48.7
9.	PDT Sungai Siput	3.42	2.29	1.13	49.3
10.	PDT Hilir Perak	2.79	1.95	0.84	43.1
11.	PDT Bagan Datuk	2.77	2.26	0.51	22.6
12.	PDT Seri Iskandar	2.29	2.68	(0.39)	(14.6)
13.	PDT Kuala Kangsar	2.03	1.61	0.42	26.1
14.	PDT Kampong Gajah	1.78	1.59	0.19	11.9
15.	PDT Gerik	1.21	0.58	0.63	108.6
16.	PDT Selama	1.17	1.15	0.02	1.7
17.	PDT Lenggong	0.81	0.55	0.26	47.3
18.	PDT Pengkalan Hulu	0.59	0.44	0.15	34.1
JUMLAH		128.78	111.01	17.77	16.0

Sumber: Laporan Tunggakan Hasil Tanah Tahun 2023 dan 2022

6.3.2. Tunggakan dan Pengusiaan Cukai Tanah

6.3.2.1. Semakan Audit terhadap Laporan Tunggakan Hasil Tanah sehingga 31 Mei 2024 yang dijana melalui Sistem e-Tanah mendapati sebanyak 225,976 hak milik mempunyai tunggakan sejumlah RM156.83 juta bagi tempoh tunggakan antara satu hingga 57 tahun. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT TAHUN
TUNGGAKAN SEHINGGA 31 MEI 2024

TAHUN TUNGGAKAN	TEMPOH (Tahun)	BILANGAN HAK MILIK	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	PERATUS (%)
2019-2023	1 hingga 5	179,227	96.51	61.5
2014-2018	6 hingga 10	25,120	26.27	16.8
2009-2013	11 hingga 15	10,141	12.30	7.8
2004-2008	16 hingga 20	5,333	9.11	5.8
1967-2003	21 hingga 57	6,155	12.64	8.1
JUMLAH		225,976	156.83	100

Sumber: Penyata ABT dan Laporan Tunggakan Hasil Tanah Perak Tahun 2023

6.3.2.2. Analisis Audit terhadap jadual pengusiaan ABT cukai tanah mendapati PDT Kinta, Ipoh mempunyai tunggakan tertinggi berjumlah RM62.92 juta bagi 48,204 hak milik. Tempoh tunggakan antara satu hingga lima tahun adalah sejumlah RM38.10 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
PENGUSIAAN TUNGGAKAN ABT CUKAI TANAH MENGIKUT PDT SEHINGGA 31 MEI 2024

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	BIL. HAK MILIK	PENGUSIAAN (RM)					JUMLAH
			1 HINGGA 5 TAHUN	6 HINGGA 10 TAHUN	11 HINGGA 15 TAHUN	16 HINGGA 20 TAHUN	21 HINGGA 57 TAHUN	
1.	Kinta, Ipoh	48,204	38,098,285	8,713,220	6,204,764	4,976,630	4,928,097	62,920,996
2.	Manjung	42,291	17,114,607	1,905,402	946,925	698,461	1,778,945	22,444,340
3.	Muallim	8,198	7,248,163	3,787,667	790,282	500,375	717,098	13,043,585
4.	Kinta, Batu Gajah	14,947	7,241,250	3,787,033	789,961	500,265	716,878	13,035,387
5.	Kampar	7,835	4,841,280	1,837,369	475,508	384,441	604,693	8,143,291
6.	Taiping	20,267	4,521,947	1,264,085	620,106	479,843	728,277	7,614,258
7.	Batang Padang	12,976	3,240,705	920,079	561,748	343,043	663,068	5,728,643
8.	Kerian	9,842	2,812,045	677,303	326,284	208,097	473,834	4,497,563
9.	Sungai Siput	7,913	2,366,428	621,446	444,027	262,358	356,855	4,051,114
10.	Bagan Datuk	6,885	968,598	526,565	255,425	229,753	789,707	2,770,048
11.	Seri Iskandar	12,782	1,710,055	487,964	225,531	123,463	151,321	2,698,334
12.	Hilir Perak	6,065	1,326,048	425,000	181,826	177,424	400,661	2,510,959
13.	Kampung Gajah	5,934	1,392,890	389,457	160,575	68,378	59,703	2,071,003
14.	Kuala Kangsar	7,603	1,272,209	329,625	129,213	56,717	129,999	1,917,763
15.	Gerik	6,165	1,026,186	135,860	18,859	7,416	16,715	1,205,036
16.	Pengkalan Hulu	1,963	698,718	68,100	12,013	18,956	14,377	812,164
17.	Selama	3,737	378,175	221,825	136,418	59,594	78	796,090
18.	Lenggong	2,369	248,985	169,706	23,215	15,138	112,369	569,413
JUMLAH		225,976	96,506,574	26,267,706	12,302,680	9,110,352	12,642,675	156,829,987

Sumber : Laporan Tunggakan Cukai Tanah sehingga 31 Mei 2024

6.3.3. Pengeluaran Notis 6A dan 8A

Semakan Audit mendapati sebanyak 2,419 Notis 6A telah dikeluarkan oleh 18 PDT berjumlah RM12.25 juta. Manakala sebanyak 843 Notis 8A telah diwartakan sejumlah RM11.73 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
TUNGGAKAN CUKAI TANAH YANG TELAH DIKELUARKAN NOTIS 6A DAN 8A

BIL	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	NOTIS 6A		SELESAI BAYAR		NOTIS 8A		LAIN-LAIN NOTIS/GANTIAN/ PEWARTAAN	
		BIL NOTIS	JUMLAH (RM)	BIL NOTIS	JUMLAH (RM)	BIL NOTIS	JUMLAH (RM)	BIL NOTIS	JUMLAH (RM)
1.	Kinta, Ipoh	243	3,289,912	41	163,862	239	4,167,028	-	-
2.	Kampar	241	2,261,448	59	614,377	46	275,644	4	11,510

BIL	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	NOTIS 6A		SELESAI BAYAR		NOTIS 8A		LAIN-LAIN NOTIS/GANTIAN/PEWARTAAN	
		BIL NOTIS	JUMLAH (RM)	BIL NOTIS	JUMLAH (RM)	BIL NOTIS	JUMLAH (RM)	BIL NOTIS	JUMLAH (RM)
3.	Kinta, Batu Gajah	92	1,431,388	46	551,329	43	225,851	-	-
4.	Pengkalan Hulu	162	1,303,202	104	839,469	34	46,244	24	417,489
5.	Kerian	123	548,721	20	179,105	-	-	-	-
6.	Batang Padang	211	518,121	36	133,460	47	97,891	128	286,770
7.	Seri Iskandar	59	495,577	44	462,293	6	9,104	15	33,284
8.	Muallim	104	441,574	111	508,976	63	2,300,096	25	73,113
9.	Manjung	226	411,884	86	2,254,247	42	3,959,266	202	4,887,682
10.	Sungai Siput	28	350,430	27	77,102	1	273,329	-	-
11.	Hilir Perak	278	337,591	133	131,964	3	18,626	142	187,001
12.	Taiping	154	254,096	39	93,721	89	139,941	115	160,374
13.	Bagan Datuk	42	241,273	126	574,655	-	-	-	-
14.	Lenggong	244	177,957	19	17,072	-	-	114	86,068
15.	Kuala Kangsar	190	140,094	395	844,556	224	210,690	65	174,368
16.	Selama	4	29,942	827	86,966	-	-	-	-
17.	Gerik	12	12,801	4	3,608	-	-	8	9,193
18.	Kampung Gajah	6	3,395	-	-	6	3,395	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		2,419	12,249,406	2,117	7,536,762	843	11,727,105	842	6,326,852

Sumber : Laporan Tunggakan Cukai Tanah sehingga 31 Mei 2024

Maklum balas Pejabat Kewangan Negeri (26 Julai 2024)

Antara usaha yang telah dilaksanakan bagi mengutip tunggakan cukai tanah adalah seperti berikut:

- Pembukaan Kaunter Kutipan Luar, Program VAPs (Visit, Advise dan Pay) dan Ops. Ketuk – berjaya mengutip RM1.12 juta pada tahun 2023 berbanding RM439,346 pada tahun 2022.
- Pengeluaran Bil Merah, Surat Peringatan, Notis 6A dan Notis 8A - telah meningkatkan kutipan tunggakan cukai tanah berjumlah RM7.54 juta.

- c. Pendekatan *Bargain Power* - Pemberian diskaun khas atau penyerahan balik keseluruhan tanah kepada pihak Kerajaan (Seksyen 12A) kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri yang mempunyai nilai tunggakan yang tinggi.
- d. Arbitrasi Bersasar Melalui Pembayaran Ansuran - Pembayaran deposit cukai awal antara 30% hingga 50% dan baki tunggakan boleh diselesaikan secara ansuran, Pengeluaran Bil Merah, Surat Peringatan, Notis 6A dan Notis 8A.
- e. Pembersihan Data Tunggakan

6.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, ABT Hasil pada tahun 2023 meningkat sebanyak RM26.34 juta (17.1%) berbanding tahun 2022. Peningkatan antaranya disebabkan syarikat janakuasa stesen elektrik tidak membayar caj penggunaan air laut mengikut kadar yang ditetapkan dan syarikat pemaju perumahan tidak mampu membayar cukai tanah kesan daripada penjualan rumah yang sangat rendah.

6.5. Syor Audit

Bagi menambah baik kutipan tunggakan cukai tanah, pihak Audit mengesyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.5.1. meningkatkan penguatkuasaan terhadap kutipan cukai bagi mengelakkan pertambahan ABT;
- 6.5.2. tindakan kutipan tunggakan ABT berfokus kepada:
 - 6.5.2.1. tunggakan cukai tanah antara satu hingga lima tahun yang mempunyai potensi untuk dikutip;
 - 6.5.2.2. mengutamakan pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah yang tinggi seperti tapak industri dan komersial; dan
 - 6.5.2.3. melaksanakan tindakan rampasan tanah/lucut hak milik di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (Notis 8A) terhadap tunggakan cukai tanah antara 21 hingga 57 tahun.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Kerajaan Negeri Perak, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 23.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perak;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal (1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

12 OGOS 2024



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Perak.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2023.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2023.



YB DATO' MOHD ZAKI BIN MAHYUDIN

Pegawai Kewangan Negeri Perak

15 Mac 2024



MEGAT AMIRUL ZAINI JAMALULLAIL BIN MEGAT JAMALUDDIN

Bendahari Negeri Perak

15 Mac 2024

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2023

		<u>2023</u>	<u>2022</u>
	<u>Nota</u>	RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	536,444,983.73	405,990,455.40
PELABURAN	4	916,374,197.57	916,374,197.57
		1,452,819,181.30	1,322,364,652.97
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	625,042,272.72	562,614,650.65
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	827,776,908.58	759,750,002.32
		1,452,819,181.30	1,322,364,652.97

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

Lampiran IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

		2023		2022	
	Nota	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
HASIL	5				
Hasil Cukai		560,023,340.82		507,777,705.62	
Hasil Bukan Cukai		451,222,371.75		381,383,211.02	
Terimaan Bukan Hasil		<u>202,446,104.26</u>	1,213,691,816.83	<u>204,586,029.48</u>	1,093,746,946.12
PINJAMAN	6				
Dalam Negeri		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
TERIMAAN MODAL	4,7				
Jualan Instrumen Kewangan		0.00		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		<u>49,858,457.76</u>	49,858,457.76	<u>37,294,812.58</u>	37,294,812.58
TERIMAAN LAIN	7				
Terimaan Amanah		<u>44,565,044.20</u>	44,565,044.20	<u>0.00</u>	0.00
JUMLAH TERIMAAN			<u>1,308,115,318.79</u>		<u>1,131,041,758.70</u>
BAYARAN					
PERBELANJAAN MENGURUS	5				
Emolumen		(413,999,989.59)		(395,127,234.26)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(279,166,273.26)		(266,789,385.17)	
Aset		(16,557,339.15)		(7,291,451.04)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		(84,747,047.36)		(103,302,744.54)	
Perbelanjaan Lain		<u>(5,950,545.40)</u>	(800,421,194.76)	<u>(6,909,334.61)</u>	(779,420,149.62)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	7				
Langsung		<u>(372,039,595.70)</u>	(372,039,595.70)	<u>(267,329,683.17)</u>	(267,329,683.17)
PERBELANJAAN MODAL	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
BAYARAN BALIK PINJAMAN	6				
Pinjaman Dalam Negeri		(5,200,000.00)		(5,200,000.00)	
Pinjaman Kepada Agensi /					
Pindahan Kepada Akaun Amanah		<u>0.00</u>	(5,200,000.00)	<u>0.00</u>	(5,200,000.00)
BAYARAN LAIN	7				
Bayaran Amanah		<u>0.00</u>	0.00	<u>(88,460,124.32)</u>	(88,460,124.32)
JUMLAH BAYARAN			<u>(1,177,660,790.46)</u>		<u>(1,140,409,957.11)</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			130,454,528.33		(9,368,198.41)
Wang Tunai Pada 31 Disember 2022			405,990,455.40		415,358,653.81
Wang Tunai Pada 31 Disember 2023			<u>536,444,983.73</u>		<u>405,990,455.40</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

Lampiran V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

		<u>2023</u>	<u>2022</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		RM	RM
HASIL	5	1,133,643,000.00	1,213,691,816.83
<u>Tolak:</u>			
Belanja Mengurus	5	818,000,000.00	805,621,194.76
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		315,643,000.00	408,070,622.07
